**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 19 APRIL 2018 (KHAMIS)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Utusan Malaysia** | |
| - Penduduk bimbang longkang tersumbat membiakkan aedes | 30 |
| **Sinar Harian** | |
| - Parkir terhad sukarkan komuniti | 36 |
| **Sin Chew Daily** | |
| - Kekurangan tempat letak kereta | 03 |
| **Chinapress** | |
| - Parkir tidak mencukupi | C6 |
| **Harian Metro** | |
| - 545 aduan salah laku | 66 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>19 APRIL 2018 (KHAMIS)** | |
|---|---|
| Akhbar | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | Penduduk bimbang longkang tersumbat membiakkan aedes |
| Muka Surat | 30 |

# Penduduk bimbang longkang tersumbat membiakkan aedes

um 19/4/18 m/s 30.

**KUALA LUMPUR 18 April** - Penduduk Pangsapuri Pandan Lake View dekat sini mendakwa longkang di kawasan perumahan mereka tiak diselenggara sehingga mengundang masalah kesihatan kepada penduduk setempat.

Longkang tersumbat dan air bertakung didakwa menjadi sarang pembiakan nyamuk aedes.

Penduduk mendakwa, pihak berkuasa tempatan tidak pernah membersihkan kawasan itu meskipun aduan demi aduan dibuat namun keadaan masih tidak berubah.

Seorang penduduk, **Jacky Chan**, 42, berkata, ekoran daripada masalah itu setiap kali hujan lebat air daripada saluran longkang tersumbat melimpah memasuki kawasan parkir pangsapuri itu.

"Akibat tidak diselenggara air bertakung di longkang berhari-hari. Lebih memburukkan takungan air turut mengeluarkan bau busuk.

"Aduan turut dikemuka kepada pihak Badan Pengurusan Bersama namun tiada tindakan diambil sehingga hari ini," katanya ketika ditemui semasa lawatan Timbalan Ketua Biro Perkhidmatan dan Aduan Gerakan Ben Liew Pok Boon ke kawasan perumahan itu di sini.

Pengunjung tasik, **Mohd. Sakry Osman**, 58, pula berkata, longkang yang terletak bersebelahan tasik Pandan Perdana itu turut menjejaskan jumlah pengunjung tasik berkenaan.

"Akibat masalah longkang tersumbat dan menjadi tempat pembiakan nyamuk aktiviti riadah kami terganggu kerana bimbangkan keselamatan," katanya.

*Utusan Malaysia* difahamkan, masalah yang berlarutan sejak beberapa tahun itu didakwa berpunca daripada kerja-kerja pembinaan di tapak projek berhampiran tasik.

Sementara itu Liew Pok Boon berkata, beliau akan mengambil tindakan segera dengan menulis surat kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan pemaju projek tersebut supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.



AIR bertakung akibat hujan lebat turut mengundang resah kepada penduduk pangsapuri berkenaan.



BEN LIEW POK BOON (kiri) bersama penduduk pangsapuri Pandan Lake View, Ampang Jaya, Selangor menunjukkan keadaan longkang tersumbat akibat kegagalan pihak bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>19 APRIL 2018 (KHAMIS) | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Parkir terhad sukarkan komuniti |
| Muka Surat | 36 |

# Parkir terhad sukarkan komuniti

SH 19/4/18 m/s 36.

*Dakwa projek pembangunan punca masalah*

AHMAD ISMADI ISMAIL

PANDAN PERDANA

Parkir yang terhad di kawasan taman rekreasi di sini, menyukarkan pengguna untuk meletakkan kenderaan dan mereka meminta pihak berkenan mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah itu.

Pengunjung, Low Kok Kim, 42, berkata, parkir di kawasan taman rekreasi itu penuh, setiap kali dia berkunjung ke sini.

"Sebelum ini ruang parkir di kawasan ini mencukupi untuk pengunjung, namun sejak kawasan ini menjadi tumpuan termasuk projek pembangunan yang pesat dilaksanakan di sini, ruang parkir sudah semakin terhad," katanya.

Kok Kim berkata, dia yang tinggal di Batu 6, Cheras, telah datang ke tasik berkenaan, tiga kali seminggu untuk melakukan aktiviti riadah.

"Saya lebih selesa bersenam di sini berbanding di Stadium Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) yang jaraknya hanya kira-kira 500 meter dari kawasan rekreasi ini, panorama di sini lebih menarik dan udara lebih segar," katanya.



Ben Liew (kanan) melihat laluan yang telah ditutup.

Sementara itu, Timbalan Ketua Biro Perkhidmatan dan Aduan Awam Gerakan, Ben Liew Pok Boon berkata, pihaknya sedia maklum berhubung aduan yang dibangkitkan oleh penduduk dan pengunjung kawasan taman rekreasi itu.

"Sudah pasti jumlah kenderaan yang di parkir di kawasan taman rekreasi ini semakin bertambah apabila projek itu siap kelak," tambahnya lagi.

Ben Liew berkata, pengunjung terpaksa menggunakan tempat parkir di kawasan kedai yang berada jauh dari taman rekreasi ini.

"Ia turut memberi masalah kepada golongan warga emas yang terpaksa berjalan jauh untuk ke taman rekreasi ini," katanya.

Beliau berkata, pihaknya telah berjumpa dengan guru besar sebuah sekolah di sini bagi membincangkan permohonan menggunakan sedikit ruang parkir di kawasan sekolah itu.

"Kami akan membuat petisyen bagi permohonan itu, kami juga mahu mengumpul 2,000 tandatangan orang ramai bagi menyokong petisyen yang akan diserahkan kepada Kementerian Pendidikan.

"Setelah mendapat kelulusan itu, kami berharap pihak sekolah dapat membuka pintu pagar berkenaan kira-kira jam 6 pagi hingga 11 pagi," katanya.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>19 APRIL 2018 (KHAMIS)** | |
|---|---|
| Akhbar | Sin Chew Daily |
| Tajuk Berita | Kekurangan tempat letak kereta |
| Muka Surat | 03 |

SD 19/4/18 m/s 03.



▲班登柏兰岭湖滨公园为班登区内休闲运动的好去处，平时吸引不少当地及附近住区的居民前来运动。



▲公园原有的停车场在发展商收回地点进行发展及美化的情况下，面对停车位减少及不足应付的问题。



▲刘博文（右一）与当地居民及晨运者巡视出入口被关闭的临时停车场。

# 臨時停車場突關閉
# 晨運者無處泊車

**焦點社區** 班登柏蘭嶺湖濱公園

（安邦18日讯）临时停车场突然被关闭，导致班登柏兰岭湖滨公园停车位严缺，以致晨运者被迫将车停泊在大路旁或是邻近的住区内，造成不便。

据了解，可容纳约三四十辆车的临时停车场，是于数天前遭封闭进出路口，不再开放让车辆进入泊车。

这个临时泊车场是于两三年前暂时开放给晨运者使用，以解决该公园因发展商收回部分地段进行美化工作，进而造成停车位不足的问题。

当地居民指出，该公园原本已面对停车位不足的问题，而今在临时停车场也被关闭的情况下，晨运者更是没地方可泊车。

“晨运者在公园停车位满了后，只能冒着会被开罚单的风险，将车辆停在公园外的大路旁，也有者将车停泊在对面的住区，再步行越过马路前往公园。”

他们也说，公园外的柏兰岭3/1路早前获安邦再也市议会加宽道路，即从原本的1条车道增至2条车道，使越过马路的情况更危险。

此外，有者也说，部分路段的车流量在加宽后繁忙及快速，日前更发生停泊在路旁的巴士遭飞驰而来的车辆撞上，因此大部分驾驶人士都不敢将车辆泊在该路旁。



▲一旦借用毗邻学校空地作为泊车地方，将有望解决停车位不足的问题。

## 晨運者難越過馬路

王成昌（62歲）



“居民在找不到停车位的情况下，唯有将车辆停泊在路边或是对面的住区，再越过马路到公园，这是相当危险的。到公园晨运的居民不乏乐龄人士，年龄介于60岁到90岁都有，对他们来说是更危险了。”

## 公園少了一半地方泊車

翁維綱（73歲）



“在发展商收回地段作发展，以及临时停车场被关闭后，公园少了约一半可泊车的地方。

另外，由于公园外的大路早前被加宽，造成将车辆停泊在对面住区的晨运者难以越过马路，种种问题影响了到公园晨运的人数。”

## 向國小借地充停車場
### 劉博文：收集2千簽名呈教部

国阵莲花苑区协调员刘博文接获消息后，联同当地居民及晨运者前往巡视，以了解公园的泊车问题，同时也为他们拟出解决方案。

他说，他们计划向班登柏兰岭国小借用一块位于公园毗邻的空地，作为公园晨运者泊车的地方，以期能一劳永逸解决该公园所面对停车位严缺的问题。

他说，他今早前往会见该校校长及作出询问，并获得对方正面的回应及支持，即在教育部的同意下，不反对借出学校的空地供使用。

有鉴于此，刘博文表示，他将会在2个星期内展开签名运动，以收集共2000个晨运者签名及呈交给教育部，以获得当局准许借用学校空地泊车。

他说，他们计划借用空地其中一部分的地段，并仅开放最靠近公园的大门供晨运者出入，同时也设有围栏作出隔离，确保在不打扰学校的情况下借用空地。

此外，他也说，他将会协助在空地建设一座楼梯衔接至公园内，让晨运者可直接在泊车后进入公园活动。

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**19 APRIL 2018 (KHAMIS)** | |
|---|---|
| Akhbar | Chinapress |
| Tajuk Berita | Parkir tidak mencukupi |
| Muka Surat | C6 |



大城事

·班丹柏蘭嶺湖濱公園臨時泊車場關閉·



■临时泊车场的唯一出入口2天前被关闭，晨运客无法进入临时泊车场；右为刘博文。

# 劉博文向班丹柏蘭嶺國小爭取
# 借校外空地充泊車場

（班丹18日讯）班丹柏兰岭湖滨公园临时泊车场进出口两天前被关闭，至少减少三四十个泊车位，莲花苑区国阵协调员刘博文向毗邻的班丹柏兰岭国小争取，借出校门外部分空地充作晨运客泊车场。

据悉，两三年前，发展商在当地发展公寓项目和美化湖滨公园，占用部分原有泊车空间，所以开辟一个临时泊车场，让晨运客把车子泊在该处，未料临时泊车场的唯一进出口两天前被关闭。

刘博文今日召开记者会时指出，自从临时泊车场不能被使用，晨运客缺乏泊车位，被迫把车子违例泊在路边，或泊在商业区，再步行到湖滨公园。

## 2週内收集簽名呈教部

他说，随著柏兰岭3/1路（Jalan Perdana 3/1）被加宽，车子行驶速度甚快，年长的晨运客要越过马路变得困难和危险。

因此，他向毗邻的班丹柏兰岭国小校方提出建议，将校门外的一块空地，划分部分地段，在周一至周五，清晨6时至上午11时之间，开放给晨运客使用，解决泊车位不足问题。

他说，该空地是校地，不过在校门外，即使充做晨运客泊车场也不会影响学生。

“我已询问校方意愿，校长指只要获得教育部批准，校方也不会阻止。”

刘博文将会在2周内收集2000个签名，并提呈给教育部，寻求获得使用该地段的批准。

他说，一旦空地被允许作为晨运客泊车场，他会在泊车场衔接湖滨公园的小斜坡上增设一个楼梯，让晨运客无需绕路便能直接进入公园范围。

### 泊別處危險

**★王成昌（晨运客）**

我在湖滨公园晨运约20年，如今泊车位不足，要年长人士把车子泊在别处，还得越过马路才抵达湖滨公园，是非常危险的事。

### 晨運者少了

**★翁维钢（晨运客）**

我来湖滨公园晨运大约5年，自从泊车位减少，我察觉前来晨运的人潮也有减少。



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>19 APRIL 2018 (KHAMIS)** | |
|---|---|
| Akhbar | Harian Metro |
| Tajuk Berita | 545 aduan salah laku |
| Muka Surat | 66 |

Hafidzul Hilmi Mohd Noor
cnews@nstp.com.my

# 545 aduan salah laku

**■ *Laporan diterima EIAC sangat sedikit berbanding jumlah anggota penguat kuasa***

HM 19/4/18 MS 66

**Kuala Lumpur**

Sebanyak 440 daripada 545 aduan salah laku diterima Suruhanjaya Integriti Penguatkuasa (EAIC) tahun lalu membabitkan aduan salah laku dikalangan anggota dan pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Pengerusi EAIC, Datuk A Aziz A Rahim berkata, pihaknya turut menerima aduan orang ramai berkaitan anggota atau pegawai penguat kuasa agensi lain yang didapati melakukan kesalahan iaitu tidak mengikuti prosedur tugas.

Beliau berkata, PDRM mencatatkan jumlah aduan tertinggi berikutan pasukan keselamatan berkenaan mempunyai jumlah anggota paling ramai iaitu dianggarkan 120,000 di seluruh negara.

**FAKTA**
*PDRM catat aduan paling banyak*

"Jika mengikut peratusan jumlah aduan berkenaan, ia dianggap sangat sedikit berbanding jumlah keseluruhan anggota PDRM.

"Selain itu, EAIC turut menerima 20 aduan salah laku daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), 17 membabitkan Penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), dan 13 membabitkan anggota Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)," katanya selepas merasmikan Kempen Laporkan Salah Laku Penguatkuasa, semalam.

A Aziz berkata, aduan berhubung salah laku penguat kuasa di 21 agensi penguatkuasaan menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2016.

"Pada tahun 2016, EAIC mencatatkan 470 aduan saja membabitkan pelbagai salah laku anggota penguatkuasa.

"Antara salah laku yang kerap diterima ialah tiada tindakan lanjut atau perkembangan siasatan dilaksanakan, tidak dimaklumkan kepada pengadu sekali gus didapati melanggar standard operasi ditetapkan agensi masing-masing," katanya.

Sementara itu A Aziz berkata, pihaknya kini melancarkan kempen bagi mempromosi peranan EAIC kepada masyarakat.

"Berdasarkan kajian, kesedaran orang ramai terhadap EAIC amat rendah, justeru kami berkempen bagi memberitahu orang ramai boleh melakukan aduan berhubung sebarang salah laku agensi penguat kuasa.

"Beberapa program dirancang antaranya kerjasama dengan pelbagai pihak bagi menghubungkan EAIC dengan orang awam," katanya.



*A Aziz (lima dari kiri) dan Lee (empat dari kiri) melancarkan kempen Laporkan! Salah Laku Penguat kuasa di TBS, semalam.*

## PBT perlu masuk senarai

**Kuala Lumpur:** Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu dimasukkan ke dalam senarai seliaan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) bagi membolehkan orang ramai membuat aduan berkaitan salah laku anggota penguatkuasa agensi berkenaan.

Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) Tan Sri Lee Lam Thye berkata, ada banyak aduan diterima di seluruh negara membabitkan kelemahan PBT termasuk sikap tidak ambil peduli terhadap aduan awam.

Justeru, beliau menyarankan lebih banyak agensi penguatkuasaan perlu dimasukkan ke dalam senarai seliaan EAIC.

"Kita tidak harus biarkan salah laku dalam kalangan agensi dan anggota penguatkuasaan berleluasa dan menjadi budaya dalam masyarakat.

"Kita mesti hapuskannya sampai ke akar umbi, kita tidak boleh leka walau seketika dengan masalah ini kerana ia menggugat ekonomi dan sosial serta asas tata susila," katanya selepas menyampaikan wacana pada Program Laporkan Salah Laku Penguat kuasa di Terminal Bersepadu Selatan (TBS) di sini, semalam.